


PARLIMEN MALAYSIA



**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEDUABELAS
2008**

**JAWAPAN-JAWAPAN PERTANYAAN JAWAB
LISAN HARIAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB
DALAM DEWAN RAKYAT DARIPADA
KEMENTERIAN**

HARI ISNIN: 1 DISEMBER 2008

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB

LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN

(SOALAN NO. 9 HINGGA 31)

NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 8

[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK RICHARD RIOT ANAK
JAEM [SERIAN]

TARIKH : 1 DIS 2008

SOALAN :

DATUK RICHARD RIOT ANAK JAEM [SERIAN] MINTA
MENTERI KERJA RAYA MENYATAKAN MEMANDANGKAN
JALAN SERIAN - TEBEDU ADALAH "SINGLE CARRIAGE
WAY", SEMPIT DAN SEBAHAGIANNYA AGAK CURAM,
ADAKAH KERAJAAN BERCADANG UNTUK MENAIK
TARAFNYA KEPADA "DOUBLE CARRIAGE WAY".

JAWAPAN :

TUAN YANG DIPERTUA,

UNTUK MAKLUMAN AHLI YANG BERTHORMAT, JALAN SERIAN – TEBEDU MERUPAKAN JALAN PERSEKUTUAN DENGAN PERMUKAAN *PREMIX* DAN JUMLAH PANJANG JALAN 41.9KM.

KEMENTERIAN KERJA RAYA TELAH MENCADANGKAN PROJEK NAIKTARAF JALAN SERIAN-TEBEDU-SEMPADAN INDONESIA DALAM KAJIAN SEPARUH PENGGAL RMK-9 DAN IANYA TIDAK DILULUSKAN. NAMUN, KEMENTERIAN AKAN MENGEMUKAKAN CADANGAN INI SEKALI LAGI DALAM RMK-10 KELAK DENGAN KEUTAMAAN YANG TINGGI MEMANDANGKAN KERAJAAN NEGERI SARAWAK INGIN MENJADIKAN PELABUHAN KUCHING SEBAGAI PINTU MASUK (*GATEWAY*) KE KALIMANTAN BARAT, INDONESIA.

WALAU BAGAIMANAPUN, BAGI MENINGKATKAN TAHAP KESELAMATAN JALAN SEDIA ADA DAN BAGI MENAMBAHKAN KESELESAAN PARA PENGGUNA JALAN RAYA, PADA MASA KINI KEMENTERIAN KERJA RAYA ADA MENJALANKAN KERJA-KERJA PEMBAIKAN JALAN DIBAWAH PROGRAM PENYELENGGARAAN JALAN. BAGI TAHUN 2008, SEJUMLAH RM1.4 JUTA TELAH DIPERUNTUKAN UNTUK KERJA PEMBAIKAN JALAN DAN CERUN DI JALAN SERIAN – TEBEDU – SEMPADAN INDONESIA INI.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HEE LOY SIAN
[PETALING JAYA SELATAN]

TARIKH JAWAPAN : 1 DISEMBER 2008 (ISNIN)
DI DEWAN RAKYAT

SOALAN : NO. 10

SOALAN

Y.B. Tuan Hee Loy Sian minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan memandangkan pejabat pos kini mengendalikan sejumlah wang yang banyak termasuk wang tunai rebat minyak, apakah usaha dan tindakan segera yang telah dibuat oleh Kementerian untuk mempertingkatkan ciri-ciri keselamatan di pejabat pos tempatan seperti mengadakan pegawai keselamatan, peti simpanan wang atau "strong room" dan CCTV supaya keselamatan di pejabat pos sentiasa terjamin.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Pos Malaysia Berhad sentiasa prihatin akan keselamatan pejabat-pejabat pos di seluruh negara. Bagi tujuan tersebut semua pejabat pos dilengkapi dengan peti besi simpanan wang. Selain dari itu, Pos Malaysia Berhad kini sedang meningkatkan kualiti pejabat-pejabat pos yang baru. Kelengkapan keselamatan yang baru seperti CCTV diambil kira dalam proses pemodenan pejabat-pejabat pos ini.

Pos Malaysia Berhad juga telah mengambil inisiatif dengan menempatkan Polis Bantuan untuk mengawal dan memantau keselamatan di Pejabat-pejabat Pos Besar serta Daerah yang menyimpan wang tunai untuk pembayaran rebat dalam jumlah yang besar.

Bagi pengagihan tunai di semua Pejabat Pos Besar dan Daerah, Pos Malaysia Berhad menggunakan khidmat pihak ketiga iaitu syarikat-syarikat *Cash In Transit* (CIT) bertujuan meminimumkan risiko pengendalian wang.

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEDUA BELAS
TAHUN 2008**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN WILLIAM @ NYALLAU ANAK
BADAK (LUBOK ANTU)**

TARIKH : 1 DISEMBER 2008

SOALAN :

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan kenapa permohonan untuk mendapatkan peruntukan bagi projek PPRT di Daerah Lubok Antu tidak dipertimbangkan untuk mendapatkan peruntukan sedangkan permohonan tertunggak lebih daripada 300 perlu diberikan perhatian.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Dalam menangani kemiskinan tegar di kawasan luar bandar di negeri Sarawak, KKLW melalui Program Bantuan Rumah (PBR) Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) telah memberi pertimbangan yang sewajarnya kepada semua permohonan yang layak dan mengikut rekod tiada permohonan tertunggak setakat ini.

Sehubungan itu, jika masih terdapat permohonan yang layak, mohon dikemukakan dengan maklumat yang lengkap dan sebaiknya bersama gambar kepada pihak Pejabat Pembangunan Negeri Sarawak atau terus kepada pihak

kementerian untuk pertimbangan selanjutnya bagi memastikan golongan miskin tegar luar bandar mendapat bantuan yang sewajarnya.

Untuk makluman, pada tahun ini Kementerian telah memperuntukkan sebanyak RM7.262,310. bagi Program Bantuan Rumah (PBR) dan RM11juta bagi Program Peningkatan Pendapatan (PPP) kepada Negeri Sarawak di bawah Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR).

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. Tuan P Ramasamy a/l Palanisamy

TARIKH: 1 DISEMBER 2008

SOALAN:

Y.B. Tuan P. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah yang akan berlaku kepada lebih 1,000 pekerja kilang Nikko, Pulau Pinang yang telah diberhentikan kerja dan adakah mereka akan memperoleh pampasan mereka dengan segera yang dijanjikan oleh Kerajaan Persekutuan.

PR-1213-L14885

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Penutupan operasi syarikat Nikko Electronics Bhd pada 30.06.2008 melibatkan pemberhentian pekerja seramai 876 orang pekerja tempatan, 67 orang pekerja asing dan 5 orang pegawai dagang. Seramai 824 orang bekas pekerja-pekerja syarikat Nikko telah memfailkan kes buruh di Pejabat Tenaga Kerja Butterworth. Perbicaraan telah bermula pada 25 Ogos 2008, 4 September 2008 dan 23 September 2008. Walaubagaimanapun pada 11 September 2008, Mahkamah Tinggi Pulau Pinang telah melantik Provisional Liquidator iaitu Dato' Robert Teo Keng Tuan daripada RSM NWT Advisory Services Sdn. Bhd. Kuala Lumpur untuk menguruskan segala asset dan tanggungan Nikko Eletronic Berhad. Ekoran daripada keputusan Mahkamah Tinggi Pulau Pinang, Pejabat Tenaga Kerja Butterworth telah membatalkan kes tersebut berpandukan peruntukan di bawah Seksyen 226 (3) Akta Syarikat 1965 yang menyatakan :-

1. *when a winding up order has been made or a provisional liquidator has been appointed no action or proceeding shall be proceeded with or commenced against the company except-*
 - (a) *by leave of the court; and*
 - (b) *in accordance with such terms as the Court imposes*

Bagaimanapun KSM akan membantu pekerja-pekerja yang terlibat untuk membuat tuntutan mereka di Jabatan Pemegang Harta Pulau Pinang sebagai bukti hutang (*proof of debt*).

Dalam pada itu KSM telah mengadakan perbincangan dengan pihak pengurusan Nikko Electronics Berhad untuk membayar pampasan kepada pekerja-pekerja yang diberhentikan. Hasilnya semua pekerja telah memperolehi baki gaji bagi bulan Jun dan gaji ganti cuti tahunan. Bagaimanapun bagi gaji ganti notis dan faedah penamatan kerja masih lagi belum diperolehi. Pihak Mahkamah Tinggi Pulau Pinang akan mengeluarkan notis untuk Mesyuarat Am Pemiutang-Pemiutang di mana satu proses penentuan hak-hak kepada pihak-pihak yang berkepentingan akan dilaksanakan.

KSM juga telah membantu bekas pekerja Nikko untuk mendapatkan kerja lain di sekitar Pulau Pinang. Hasilnya 393 orang pekerja telah berjaya memperoleh pekerjaan dan usaha ini akan diteruskan untuk membolehkan ramai lagi bekas pekerja Nikko dapat bekerja semula di tempat lain.

SOALAN NO. 13

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATUK DR. TEKHEE @ TIKI ANAK LAFE
(MAS GADING)**

TARIKH : 1 DISEMBER 2008 (ISNIN)

SOALAN :

**Y.B. Datuk Dr. Tekhee @ Tiki Anak Lafe (Mas Gading) minta
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT** menyatakan adakah kajian dibuat serta hasilnya
sekiranya ada, ke atas masalah dan keperluan golongan ibu tunggal dan
skim bantuan terbaru untuk golongan ini kerana ramai yang masih
bergantung kepada belas kasihan jiran, sanak saudara dan wakil-wakil
rakyat.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah menjalankan satu soal selidik mengenai ibu tunggal pada tahun 2004. Hasil daripada soal-selidik yang dijalankan terhadap 30,211 orang responden ibu tunggal, didapati 54.7 peratus atau 13,943 orang responden menyatakan bahawa masalah utama yang mereka hadapi adalah berkaitan kewangan. Selain itu, sebilangan lagi responden ibu tunggal menyatakan permasalahan utama mereka adalah berkaitan isu perumahan dan kesihatan.

Maklumat yang diperolehi daripada kajian tersebut digunakan sebagai panduan asas untuk Kementerian membuat perancangan dan melaksanakan program-program yang bersesuaian dengan keperluan ibu tunggal. Hasilnya beberapa program baru telah diperkenalkan untuk manfaat ibu-ibu tunggal.

Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), Kementerian melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) melaksanakan program “Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal” atau I-KIT iaitu program latihan intensif untuk ibu tunggal dalam bidang kemahiran dan keusahawanan. Ibu-ibu tunggal dari setiap negeri diberikan latihan dan penyeliaan rapi dalam salah satu daripada bidang kemahiran seperti berikut:

- i. Kursus Jahitan;
- ii. Kursus Kecantikan;
- iii. Kursus Kraftangan;
- iv. Kursus Penjagaan Kanak-kanak;
- v. Kursus Pelancongan; dan
- vi. Kursus Pemprosesan Makanan

Selain latihan kemahiran dalam bidang-bidang tersebut, para peserta juga dibekalkan dengan kemahiran ‘*softskills*’ sebagai persediaan untuk mereka menceburi bidang pekerjaan atau perniagaan.

JPW juga menjalankan program usahawan tani wanita bagi menggalakkan wanita berpendapatan rendah bagi menyertai projek ekonomi untuk menjana pendapatan. Projek perintis bagi program ini telah dimulakan di negeri Pahang iaitu melibatkan penanaman bunga melur untuk memenuhi keperluan industri teh herba.

Usaha juga sedang giat dijalankan bagi menggalakkan wanita dan ibu tunggal untuk terlibat dalam bidang '*microenterprise*'. Oleh demikian, wanita dan ibu tunggal yang mengikuti program-program pembangunan kapasiti yang dijalankan turut diberi pendedahan mengenai skim-skim pembiayaan dan bantuan modal yang disediakan agensi berkaitan pembangunan usahawan seperti Amanah Ikhtiar Malaysia. Ini bertujuan untuk menggalakkan wanita terbabit untuk menjalankan usaha niaga mereka sendiri melalui aktiviti perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua,

Selain itu, Kementerian juga sedang dalam proses untuk menyediakan Pelan Tindakan bagi Memperkasakan Ibu Tunggal. Pelan ini bakal memuatkan maklumat yang lebih komprehensif mengenai profil ibu tunggal di negara ini, cadangan penambahbaikan terhadap skim-skim bantuan dan program yang sedia ada serta rangka kerja baru bagi membangunkan keupayaan ibu-ibu tunggal.

KPWKM menerusi JKM memberikan bantuan kepada Ibu tunggal yang miskin atau daif. Antara skim bantuan JKM yang boleh dimanfaatkan oleh ibu tunggal adalah seperti berikut::-

- i. Skim Bantuan Kanak-kanak (BKK) iaitu bantuan untuk membantu menampung perbelanjaan persekolahan anak-anak dari keluarga miskin termasuk anak ibu tunggal; dan

- ii. Geran Pelancaran iaitu bantuan modal permulaan untuk golongan miskin termasuk ibu-ibu tunggal yang berminat untuk memulakan perniagaan kecil-kecilan.

Tuan Yang di-Pertua,

Program-program dan bantuan yang disediakan oleh Kementerian ini bertujuan untuk mendorong ibu-ibu tunggal tersebut untuk memajukan diri mereka. Kemahiran, pengetahuan dan pendedahan yang diperolehi daripada program-program yang dijalankan dapat membantu ibu-ibu tunggal terbabit untuk mendapat pekerjaan atau menjalankan usaha niaga sendiri untuk menjana pendapatan. Dengan itu, mereka akan mampu berdikari dan menguruskan keluarga mereka sendiri dan perkara ini dapat mengelakkan kebergantungan secara berterusan kepada bantuan kebajikan dan pihak-pihak lain.

NO: 14

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN AZAN BIN ISMAIL
[INDERA MAHKOTA]**

TARIKH : 1 DISEMBER 2008 (ISNIN)

SOALAN : 14

Tuan Azan bin Ismail [Indera Mahkota] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berapakah peningkatan jumlah kemalangan jalan raya melibatkan motosikal sejak kenaikan harga petroleum dan apakah langkah Kementerian untuk mengatasi masalah ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kesan daripada kenaikan harga petrol dari bulan Jun hingga Oktober 2008, didapati telah terdapat peningkatan penggunaan motosikal kerana mod ini lebih kos efektif. Statistik Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) menunjukkan bahawa benar berlaku pertambahan pendaftaran motosikal baru berbanding pendaftaran kereta baru. Pada bulan Mei 2008, sebanyak 42,046 buah motosikal baru telah didaftarkan dan angka ini didapati terus meningkat pada bulan-bulan berikutnya jika dibandingkan dengan bulan Mei. Ia meningkat sebanyak 21.7% pada bulan Jun, 41.3% pada bulan Julai, 16.7% pada bulan Ogos dan 17.4% pada bulan September. Walau bagaimanapun, terdapat penurunan sebanyak 14.1% pada bulan Oktober.

Tuan Yang Dipertua,

Walaupun terdapat peningkatan penggunaan motosikal, namun begitu perbandingan jumlah kemalangan antara bulan Jun hingga Oktober bagi tahun 2007 dan 2008 menunjukkan adanya penurunan kemalangan sebanyak 4.5% pada tahun 2008. Jumlah kemalangan yang direkodkan pada tahun 2008 adalah sebanyak 46,288 berbanding 48,452 kemalangan pada tahun 2007. Sementara itu, jumlah kematian yang melibatkan penunggang dan pembonceng motosikal telah meningkat daripada 1,532 kematian

dalam tahun 2007 kepada 1,606 kematian pada tahun 2008 iaitu peningkatan sebanyak 4.8%.

Menyedari hakikat ini, Kerajaan telah memperhebatkan program advokasi dan kempen keselamatan jalan raya melalui media bagi mengingatkan penunggang dan pembonceng motosikal supaya memakai dan mengikat topi keledar dengan kemas serta menggunakan topi keledar yang diluluskan oleh SIRIM. Kerajaan juga telah memperkenalkan *advisory speed* pada had 60km/j bagi motosikal agar dapat mengurangkan risiko kecederaan penunggang sekiranya berlaku kemalangan. Kerajaan juga telah menasihati pengguna motosikal supaya menggunakan sistem pengangkutan awam kerana mod pengangkutan ini lebih selamat dan murah. Hasil kajian Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) pula mendapati penggunaan kereta adalah 17 kali lebih selamat daripada penggunaan motosikal manakala pengangkutan bas 30 kali, keretapi 325 kali dan mod udara 650 kali lebih selamat berbanding penggunaan motosikal.

Bagi jangka masa panjang, Kementerian Pengangkutan sedang berbincang dengan Kementerian Kerja Raya untuk mengadakan lorong khas bagi motosikal di bawah 250cc di mana langkah intervensi kejuruteraan ini dijangka berupaya mengurangkan bilangan kematian penunggang dan pembonceng untuk golongan motosikal dengan kadar 39%.

JAWAPAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT
MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK NUR JAZLAN BIN
MOHAMED (PULAI)
TARIKH : 1 DISEMBER 2008
NO. SOALAN : 15

Y.B. DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED minta MENTERI PERPADUAN, KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN menyatakan sama ada polarisasi kaum pada hari ini adalah lebih buruk berbanding 30 tahun lalu. Sila nyatakan sebab-sebabnya.

JAWAPAN:

Tan Sri Yang Dipertua,

Pelan Tindakan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Lima Tahun 2006 - 2010 (PTPNIN) yang telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 17 Mei 2006 telah mengenalpasti isu polarisasi khususnya dari aspek interaksi antara kaum merupakan salah satu cabaran yang perlu diatasi. Tahap interaksi antara kaum di negara ini adalah pada tahap 'functional' di mana masyarakat berinteraksi disebabkan oleh keadaan atau situasi tertentu. Misalnya interaksi di tempat kerja lebih menjerus kepada tugas di tempat kerja. Didapati bahawa situasi kini tidak jauh bezanya dengan situasi 30 tahun dahulu.

Dapatan kajian "Persepsi Pelajar Universiti Terhadap Perpaduan" yang telah dijalankan pada tahun 2004 mendapati bahawa tiada polarisasi antara kaum berlaku dalam kegiatan atau aktiviti yang tidak berbentuk peribadi seperti aktiviti pembelajaran dan aktiviti luar seperti sukan, persatuan dan khidmat masyarakat. Dalam aspek aktiviti berbentuk peribadi, masyarakat lebih cenderung dan selesa bergaul dengan rakan-rakan sesama kaum dalam menjalani aktiviti kehidupan harian seperti makan dan tinggal bersama serta aktiviti yang mempunyai persamaan fahaman seperti keagamaan dan minat yang sama.

Selain itu, "Kajian Menjana Integrasi Nasional Dalam Masyarakat Muda" pada 2007 mendapati masyarakat muda di bandar yang berumur 18 - 30 tahun sangat 'socio-centric' yang mengutamakan keluarga, kerjaya, kawan, agama dan pendidikan. Pergaulan kaum didapati bermula pada usia muda terutama di kalangan golongan yang bertutur dalam Bahasa Inggeris berbanding dengan golongan yang bertutur dalam bahasa ibunda. Walau bagaimana pun, interaksi antara kaum mula menipis ketika peningkatan usia dan ini berpunca daripada tumpuan kepada aktiviti berbentuk peribadi lebih diutamakan berbanding dengan aktiviti bukan peribadi.

Memandangkan rakyat Malaysia telah didedahkan dengan pergaulan antara kaum pada usia muda, pengetahuan serta pengalaman ini telah membentuk semangat mementingkan hubungan antara kaum walau pun tumpuan lebih diberikan kepada aktiviti peribadi dalam kehidupan seharian masyarakat.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN P RAMASAMY A/L PALANISAMY
(BATU KAWAN)
TARIKH : 01.12.2008

SOALAN:

Y.B. TUAN P RAMASAMY A/L PALANISAMY [BATU KAWAN] minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapakah kualiti pengajaran bahasa Tamil di sekolah-sekolah Kebangsaan berada pada tahap yang tidak memuaskan dan apakah status Program POL (Pupils Own Language) Kerajaan pada masa kini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kualiti pengajaran dan pembelajaran bahasa Tamil di sekolah kebangsaan adalah sama seperti bahasa-bahasa lain di sekolah kebangsaan. Guru-guru terlatih yang mengajar mata pelajaran bahasa Tamil di sekolah kebangsaan telah dilatih oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) melalui Bahagian Pendidikan Guru (BPG). KPM juga sering mengadakan kursus peningkatan profesionalisme bagi guru-guru bahasa Tamil yang berada di sekolah kebangsaan. Kerajaan juga telah membekalkan buku teks serta bahan-bahan sokongan yang lain untuk membantu memantapkan pengajaran bahasa Tamil di sekolah kebangsaan. Pegawai dari Bahagian KPM, JPN dan PPD juga memantau pengajaran dan pembelajaran bahasa Tamil bagi menjamin kualiti pengajaran bahasa Tamil di sekolah kebangsaan.

POL masih lagi dilaksanakan di sekolah-sekolah. Kelas-kelas bahasa Tamil boleh dibuka dari Tahun 3 hingga 6 sekiranya terdapat 15 orang ibu bapa memohon untuk mengadakan kelas bahasa Tamil (POL) di sesebuah sekolah.

NO. SOALAN: 17

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK TIONG THAI KING

TARIKH : 1 DISEMBER 2008 [ISNIN]

SOALAN:

Datuk Tiong Thai King [Lanang] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah negara kita telah mencapai kata sepakat dengan Indonesia dalam menyelesaikan sempadan antarabangsa Sabah dan Sarawak dengan Indonesia.

JAWAPAN: **Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang DiPertua,

Pada masa ini, proses pengukuran dan penandaan sempadan darat Malaysia-Indonesia di Kepulauan Borneo telah siap dijalankan dan Memorandum Persefahaman (MOU) mengenai garis sempadan darat antarabangsa yang dipersetujui bersama telahpun ditandatangani oleh kedua-dua buah negara. Walau bagaimanapun masih terdapat 9 kawasan yang mempunyai masalah pertindihan tuntutan persempadanan (*Outstanding Boundary Problems*) antara kedua-dua buah negara iaitu 4 kawasan di sempadan Sarawak-Kalimantan Barat manakala 5 lagi di sempadan Sabah-Kalimantan Timur.

Terdapat satu jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Bersama Sempadan Malaysia-Indonesia yang berfungsi untuk menyelia dan menyelaraskan kerja-kerja pengukuran dan penandaan sempadan darat antarabangsa secara bersama serta membincangkan masalah pertindihan tuntutan persempadanan dari segi perundangan dan teknikal. Terdapat dua buah kumpulan kerja ditubuhkan di bawah Jawatankuasa ini iaitu Jawatankuasa Teknikal Sempadan dan Kumpulan Kerja Bersama bagi melaksanakan sebarang aktiviti siasatan, tanampastian (refixation) dan penyelenggaraan di kawasan sempadan.

Untuk makluman, itu pertindihan tuntutan persempadanan kesembilan-sembilan kawasan tersebut sedang dalam proses rundingan yang aktif oleh kedua-dua buah negara. Dalam masa yang sama, kerajaan sedang memperkukuhkan tuntutan Malaysia dengan melaksanakan kajian ke atas kawasan-kawasan yang mengalami masalah tuntutan bertindih ini dan mengadakan perbincangan dari masa ke semasa dengan pelbagai agensi kerajaan yang berkaitan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU
(TELOK INTAN)
TARIKH : 1 DISEMBER 2008 (ISNIN)

SOALAN:

Tuan Manogaran a/l Marimuthu (Telok Intan) minta MENTERI BELIA DAN SUKAN menyatakan :-

- (a) taraf mutu dan kedudukan pasukan bola sepak negara kita amat menyedihkan dan negara-negara seperti Korea Selatan, Jepun dan China telah jauh meninggalkan kita. Apakah ada sebarang perubahan setelah dipilih Timbalan Presiden baru untuk Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) dan pembaharuan yang dilaksanakan; dan
- (b) adakah Kerajaan berhasrat untuk melarang ahli-ahli politik dari memegang jawatan yang tinggi di dalam persatuan-persatuan sukan.

JAWAPAN (a)

1. Kementerian Belia dan Sukan mengakui bahawa adalah benar seperti tanggapan banyak pihak tentang mutu sukan bola sepak negara telah merosot dan mengecewakan berbanding dengan suatu masa dahulu. Untuk makluman, Kementerian Belia dan Sukan sentiasa bekerjasama dengan Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) dan mengadakan perbincangan berterusan dengan pemimpin persatuan berkenaan untuk mencari jalan supaya prestasi sukan ini dapat dipertingkatkan lagi.

2. Usaha untuk melahirkan skuad pelapis memerlukan jangka masa yang panjang. Sehubungan itu, usaha-usaha ke arah ini sedang giat dijalankan oleh Kementerian Belia dan Sukan melalui Majlis Sukan Negara dan Institut Sukan Negara dengan kerjasama Kementerian Pelajaran dan Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM).

3. Di antara pembaharuan yang dilaksanakan oleh Timbalan Presiden FAM yang baru ialah:
 - 3.1 Mewujudkan Liga Belia Bawah 19 tahun yang telah dilaksanakan mulai Februari hingga Jun 2008 dengan penyertaan semua negeri. Kejohanan pertama ini telah dimenangi oleh pasukan Kelantan.

 - 3.2 Mengesyorkan supaya skuad pelapis negara, pasukan "Harimau Muda" mengambil bahagian dalam Liga Premier bagi mendedahkan pemain-pemain muda di peringkat dan

tahap pertandingan yang lebih kompetitif. Pasukan "Harimau Muda" ini juga dibentuk sebagai persediaan untuk mewakili negara di Sukan SEA 2011 nanti.

- 3.3 Bertanggungjawab membawa jurulatih "specialist" seperti Ian Rush, bekas penyerang utama Kelab Liverpool England untuk mengadakan klinik "strikers" di Malaysia. Hasil usaha beliau dan Majlis Sukan Negara, beberapa pemain-pemain muda kita telah dapat dihantar ke kelab-kelab terkemuka di Eropah iaitu 2 pemain dan 1 jurulatih ke PSV Heindoven di Belanda dan 2 pemain ke Chelsea di England untuk mendapat pendedahan dan latihan. Pasukan kebangsaan utama juga telah berpeluang untuk mengikuti kem latihan di Slovekia pada bulan September tahun ini.
4. Kini mutu dan prestasi Pasukan Bola Sepak Kebangsaan telah mula menunjuk peningkatan. Sebelum ini kedudukan (*ranking*) Pasukan Kebangsaan ialah di tangga ke 172 dan kedudukan terkini pasukan kebangsaan ialah di tangga ke 151.

JAWAPAN (b)

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Jemaah Menteri yang bersidang pada 1 Ogos 2007 telah menetapkan bahawa Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen tidak lagi dibenarkan memegang sebarang jawatan dalam mana-mana badan sukan. Walau bagaimanapun arahan tersebut tidak melibatkan ahli-ahli politik yang lain.

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' RAZALI BIN HAJI IBRAHIM
(MUAR)**

TARIKH : 1 DISEMBER 2008

**SOALAN : Minta MENTERI PERTANIAN
MALAYSIA DAN INDUSTRI ASAS
TANI menyatakan :**

Langkah-langkah baru yang telah dan akan diambil oleh kementerian untuk memastikan sektor-sektor pertanian dapat menambahkan hasil-hasil pengeluaran untuk menampung permintaan makanan yang semakin meningkat agar kerajaan dapat mengawal harga barang-barang makanan dengan lebih berkesan.

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua,

Bagi menjamin bekalan makanan dapat dipertingkatkan hasilnya dan mencukupi, kerajaan telah memperkenalkan program Dasar Jaminan Makanan. Dasar ini yang telah digubal pada 23 April 2008 merangkumi rancangan jangka pendek dan sederhana yang dilaksanakan oleh Kerajaan bagi memastikan bekalan makanan khususnya makanan asas penduduk Malaysia seperti beras, ikan, daging dan sayur-sayuran adalah mencukupi dan pada harga yang berpatutan. Ini juga adalah langkah segera yang diambil oleh Kerajaan memandangkan isu kekurangan bekalan bahan mentah yang sedang melanda dunia adalah merupakan satu isu global yang disebabkan oleh beberapa faktor seperti perubahan iklim, bencana alam dan penggunaan bahan makanan untuk penghasilan biofuel terutamanya di Amerika Syarikat.

Melalui Dasar ini, terdapat tujuh (7) langkah yang akan dilaksanakan dalam jangka masa pendek atau serta-merta pada tahun 2008 dan juga langkah jangka masa sederhana yang melibatkan pelaksanaan sehingga tahun 2010. Tujuh (7) langkah tersebut ialah:-

- i. **Program peningkatan pengeluaran padi** di mana sejumlah RM803 juta telah diperuntukkan pada tahun 2008 untuk melaksanakan program-program peningkatan produktiviti padi yang merangkumi penyelenggaraan dan menaik tarafan infrastruktur, pengurusan sawah secara optimum termasuk kawalan perosak, penggunaan baja dan input serta mekanisasi ladang;

- ii. **Mewujudkan Stok Penimbal Beras** sebanyak 552,000 mt agar jumlah stok beras dapat ditingkatkan untuk bekalan selama tiga (3) bulan yang melibatkan peruntukan sebanyak RM1,005 juta;
- iii. **Peningkatan Pengeluaran dan Produktiviti** sayur-sayuran, buah-buahan, daging lembu dan kambing serta akuakultur melibatkan projek berimpak besar seperti Taman Kekal Pengeluaran Makanan, Zon Industri Akuakultur dan Pusat Fidlot Negara;
- iv. **Pemberian Insentif Pengeluaran kepada Pengusaha Pertanian** untuk mengurangkan bebanan pengusaha akibat kenaikan kos pengeluaran dan memastikan pengusaha terus meningkatkan pengeluaran
- v. **Mengukuhkan Pasaran dan Pengagihan Hasil Pertanian** melalui pembangunan pusat pengedaran, pusat pengumpulan dan peningkatan bilangan pasar tani kepada 280 buah menjelang tahun 2008;
- vi. **Pelaksanaan Bumi Hijau** bagi menggalakkan rakyat mengeluarkan sendiri bahan makanan harian di kawasan kediaman (*kitchen garden*) serta memupuk minat masyarakat dalam bidang pertanian; dan
- vii. **Pengurusan Tanah dan Kolam Terbiar** bagi tujuan pengeluaran tanaman makanan dan perikanan.

Melalui Dasar Jaminan Makanan ini, Kerajaan yakin program-program yang telah dirancang akan dapat menampung permintaan makanan mengikut keperluan rakyat di negara ini dan seterusnya mampu mengurangkan kebergantungan kepada bahan makanan yang diimport. Dasar Jaminan Makanan ini juga akan diteruskan dengan pelaksanaan Dasar Pertanian Negara Ke-4 yang dalam proses penggubalan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK
[SIK]
TARIKH : 1 DISEMBER 2008
SOALAN :

Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [Sik] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian sedar ketiadaan doktor pakar di hospital daerah amat menyulitkan penduduk iaitu hanya kes-kes kecil yang dapat diatasi. Apakah langkah Menteri Kesihatan dalam mengatasi soal ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sememangnya sedar dan prihatin tentang perlunya pakar ditempatkan di semua hospital termasuk di hospital daerah. Pelbagai usaha telah dilakukan bagi memastikan semua lapisan masyarakat dapat menikmati perkhidmatan kepakaran di tempat masing-masing. Bagi hospital-hospital daerah tanpa pakar, perkhidmatan kepakaran disediakan melalui lawatan pakar secara berkala di mana pakar dari

hospital yang berdekatan akan ditugaskan mengikut giliran untuk merawat pesakit di hospital-hospital tersebut.

Selain dari itu, Kerajaan akan terus berusaha untuk menempatkan lebih ramai lagi pakar pelbagai bidang bagi memenuhi keperluan rakyat di semua hospital. Antara langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk meningkatkan jumlah pakar ialah dengan pengambilan pakar warganegara asing secara kontrak, mempelawa pakar swasta berkhidmat secara *sessional*, memperkenalkan program menggalakkan pakar-pakar warganegara Malaysia yang berkerja di luar negara balik ke Malaysia dengan memberikan pelbagai insentif.

Di samping itu, selaras dengan keputusan Jemaah Menteri, Kementerian juga telah meningkatkan pengambilan calon sarjana perubatan dari 450 orang ke 600 orang mulai sesi 2008/2009. Adalah diharapkan dengan peningkatan ini, masalah kekurangan pakar perubatan dapat diatasi secara berperingkat.

Selain dari itu, pelbagai insentif telah dan sedang diusahakan bagi mengekalkan pakar untuk terus berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan seperti kenaikan elaun kerja luar waktu bekerja biasa, elaun pakar, elaun bagi pembedahan elektif pada hari Sabtu dan lain-lain.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH PAIRIN
KITINGAN**

TARIKH : 1 DISEMBER 2008 [ISNIN]

SOALAN:

Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai cadangan untuk mengguna pakai aplikasi teknologi moden untuk membantu aktiviti pengawalan di perairan negeri Sabah daripada pencerobohan warga asing lebih berkesan seperti sistem yang diguna pakai dalam memberi amaran Tsunami.

JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang DiPertua,

Kerajaan telah membina dan menempatkan Pengkalan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) di Negeri Sabah bagi tujuan menangkis segala ancaman dan anasir dari luar, terutama sekali pencerobohan bagi tujuan memasuki negara ini secara haram dan jenayah rentas sempadan dari negara asing. Sehubungan dengan itu, kelengkapan kapal peronda dan pasukan udara, terutama sekali pasukan udara TLDM bertanggungjawab penuh bagi mengawal perairan Negeri Sabah daripada sebarang aktiviti jenayah dan pencerobohan.

Selain itu, pihak Angkatan Tentera Malaysia (ATM) juga turut melaksanakan Operasi Pasir di sempadan perairan negara di mana pihak ATM diberi tanggungjawab memastikan kemasukan secara haram oleh mana-mana pihak tidak akan berlaku.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI SAMSURI
(BAGAN SERAI)
TARIKH : 1.12.2008

SOALAN:

Y.B. TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI SAMSURI [BAGAN SERAI] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah status projek 'design and built' makmal komputer pada tahun 2000 yang mengalami kerosakan teruk.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua makmal komputer *Design and Build* yang dibina pada tahun 2000 dan telah mengalami kerosakan telah siap dibaikpulih oleh Kementerian Pelajaran Malaysia dengan menggunakan khidmat Jabatan Kerja Raya.

SOALAN NO: 23

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN JAWAB LISAN

TARIKH: 01.12.2008

SOALAN :DATO' LILAH BIN YASIN (JEMPOL) minta PERDANA

MENTERI menyatakan apakah dasar tanam semula
rancangan tanah FELDA

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Suka saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat, dasar yang
ditetapkan FELDA bagi tanam semula sawit dan getah adalah

seseorang peneroka perlu menyelesaikan Bayaran Kembali (BK) kepada FELDA. BK merupakan bayaran balik yang dikenakan kepada peneroka setelah FELDA mendahulukan wang untuk kerja-kerja pembangunan awal rancangan. Bagi rancangan yang belum menghabiskan BK lagi, mereka perlu mendapatkan kelulusan dari ahli Lembaga FELDA tertakluk kepada alasan munasabah yang diberikan. Bagi rancangan getah pula, sekiranya BK belum diselesaikan maka hasil jualan kayu getah yang ditawarkan secara tender terbuka akan digunakan untuk melangsaikan tunggakan BK dan selebihnya akan dipulangkan kepada peneroka.

Selain daripada itu, peneroka juga tertakluk kepada beberapa syarat asas yang dikenakan ke atas mereka. Bagi peneroka sawit, program tanam semula dilaksanakan di rancangan yang pokok telah berusia melebihi 25 tahun, pengeluaran hasilnya di bawah 13.6 tan per hektar per tahun, purata pendapatan di bawah RM 800.00 sebulan dan ketinggian pokok melebihi 15 meter yang menyebabkan peningkatan terhadap kos pengeluaran dan kesukaran untuk diuruskan.

Bagi peneroka getah pula, pengeluaran hasil di bawah 792 per hektar per tahun, dirian yang ditoreh adalah kurang daripada 120 per hektar, pokok telah berusia 25 tahun dan tiada tapak panel getah untuk ditoreh, pendapatan peneroka kurang daripada RM800 sebulan. Sekiranya kesemua syarat yang ditetapkan itu dipenuhi oleh peneroka, maka pokok sawit atau getah mereka layak untuk permohonan ditebang dan ditanam semula.

Rancangan yang layak akan memohon melalui mesyuarat JKKR setelah mendapat pengesyoran daripada pengurus. Jenis tanaman akan ditentukan mengikut kesesuaian iklim setempat, bentuk muka bumi dan juga kesesuaian tanah. Pihak wilayah akan membuat sokongan dan memajukan permohonan tersebut ke Ibu Pejabat FELDA. Jawatankuasa teknikal tanam semula Ibu Pejabat akan mengkaji setiap permohonan daripada semua wilayah dan memutuskan sama ada layak atau tidak ditanam semula. FELDA menghadkan hanya 15,000 hektar ataupun lima (5) peratus dari keluasan kawasan peneroka FELDA sahaja dapat ditanam semula setiap tahun. Penghadan keluasan ini setelah mengambil kira keupayaan tenaga kerja, beban kewangan yang perlu disediakan

oleh FELDA dan memudahkan FELDA untuk membuat pemantauan. Bagi rancangan yang memenuhi syarat, kelulusan tanam semula akan dimaklumkan kepada rancangan untuk persediaan awal seperti penentuan tanam semula, perjanjian pelaksanaan tanam semula dan peratus penyertaan peneroka dalam program ini. Kerja-kerja awalan akan dimulakan setahun lebih awal melalui penubuhan tapak semaian. Bagi rancangan yang tidak memenuhi syarat-syarat tanam semula, program ini akan dibawa ke tahun berikutnya mengikut keutamaan dan kriteria-kriteria yang telah ditetapkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi peneroka yang menanam semula dari sawit ke sawit, mereka akan menggunakan peruntukan dari tabung tanam semula FELDA. Setiap peneroka dikehendaki mencarum sebanyak RM4.00 sebulan untuk tempoh 20 tahun, dianggarkan sebanyak RM960.00 seekar sebelum pokok ditebang dan selebihnya ditampung oleh FELDA. Anggaran kos tanam semula dari sawit ke sawit adalah RM5,200.00 sehektar dalam tempoh tiga tahun kerja pembangunan. Bagi peneroka getah yang ingin menanam semula getah ataupun sawit mereka akan menerima bantuan dari RISDA sebanyak RM7,000.00 sehektar, bagi getah ke getah dan getah ke sawit sebanyak RM6,000 sehektar. Bantuan

tanam semula ini dibayar secara berperingkat-peringkat mengikut kemajuan kerja di kebun. Amalan RISDA adalah pemeriksaan dilakukan oleh pegawai RISDA melalui lawatan untuk mengesahkan kebun tersebut perlu ditanam semula.

Pembayaran bantuan tanam semula RISDA dilaksanakan sebanyak 6 peringkat dalam tempoh 3 tahun mengikut kemajuan kerja yang telah ditetapkan oleh pihak RISDA. Oleh kerana itu, FELDA akan mendahulukan kos pembangunan tanam semula tanpa terikat dengan kemajuan bayaran tanam semula RISDA. Ini bagi memastikan kemajuan kerja-kerja tanam semula dan penyelenggaraan kebun tidak terjejas.

Untuk menampung peneroka yang menanam semula, FELDA menyediakan kemudahan pinjaman sara hidup bagi tempoh belum berhasil iaitu 36 bulan untuk tanaman sawit dan 72 bulan bagi getah. Kadar bayaran sara hidup yang diamalkan sekarang ialah bagi sawit, peneroka akan menerima bayaran RM100.00 sehektar bagi tahun pertama, RM120.00 bagi tahun kedua dan RM130.00 bagi tahun ketiga. Bagi tanaman getah pula, peneroka akan menerima bayaran

RM100.00 sehektar bagi tahun pertama, RM120.00 bagi tahun kedua dan RM130.00 bagi tahun ketiga sehingga tahun keenam.

Sara hidup akan diganti dengan bayaran pendahuluan hasil apabila kebun mula mengeluarkan hasil. Seandainya berlaku lebih pendapatan setelah ditolak semua kos, bayaran lebih hasil akan diberikan kepada peneroka yang terlibat. FELDA terus mengamalkan dasar tanam semula yang mesra pelanggan utamanya iaitu peneroka bagi mencapai tujuan tanam semula iaitu meningkatkan produktiviti kebun supaya terus memberikan pendapatan yang baik kepada peneroka.

-----XXX-----

Pegawai Yang menyediakan Jawapan:

Mohd Nor Kailany – Pengarah Pertanian Felda (019-9178918)

NO: 24

LAMPIRAN V

SOALAN 24

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN
(SEPANGGAR)**

TARIKH : 1 DISEMBER 2008

**SOALAN : Minta MENTERI PELANCONGAN
menyatakan:-**

bilangan pelancong asing yang datang ke Sabah dalam tempoh 5 tahun sejak 2004 dan nilai pendapatan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Bilangan pelancong asing yang direkodkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia yang datang ke Sabah dalam tempoh 5 tahun sejak 2004 adalah seperti berikut:

Sabah		
Tahun	Jumlah Ketibaan Pelancong Asing	% Pertumbuhan
2004	282,539	-
2005	257,642	-8.81
2006	251,875	-2.24
2007	309,718	22.96
2008 (Jan-Ogos)	404,044	-

Manakala bagi nilai pendapatan pelancong ke Sabah pula adalah seperti berikut:

Sabah		
Tahun	Jumlah Pendapatan Pelancong Asing	% Pertumbuhan
2004	691.1 juta	-
2005	610.3 juta	-11.69
2006	680.1 juta	11.44
2007	757.6 juta	11.39

SULIT

NO SOALAN : 25

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' DR. MOHAMAD
SHAHRUM BIN OSMAN
(LIPIS)**

**TARIKH : 01 DISEMBER 2008
(ISNIN)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan tentang keberkesanan latihan bagi peserta-peserta yang telah mengikuti kursus PLKN selepas mereka tamat kursus.

SULIT

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) dilaksanakan bertujuan untuk membangunkan modal insan yang berpatriotisme, bertoleransi di antara pelbagai kaum dan agama, bersemangat kesukarelaan dan mempunyai jati diri yang kukuh untuk membolehkan negara ini berdaya saing di dalam era globalisasi.

Pencapaian keberkesanan PLKN ini diukur melalui kajian persepsi yang dijalankan ke atas setiap kumpulan pelatih yang telah tamat latihan. Hasil kajian yang dijalankan telah menunjukkan pencapaian seperti berikut:

- 1) Semangat kesetiaan dan kecintaan kepada negara yang dilaksanakan melalui aktiviti pendedahan terhadap sejarah kemerdekaan, pembentukan kerajaan dan pemeliharaan kedaulatan dalam sesebuah negara menunjukkan pencapaian 83 peratus.**
- 2) Memupuk nilai-nilai murni melalui pembentukan keperibadian unggul dan integriti telah menunjukkan pencapaian 90 peratus.**

SULIT

- 3) **Mempertingkatkan semangat kesukarelaan melalui kerja-kerja gotong-royong, pemeliharaan alam sekitar dan lawatan ke rumah anak yatim serta orang tua menunjukkan pencapaian 82 peratus.**

- 4) **Perpaduan Kaum dan Integrasi Nasional yang dilaksanakan melalui pendedahan kepada budaya, adat resam dan kepercayaan pelbagai agama, bangsa serta etnik menunjukkan pencapaian 87 peratus.**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB
[KUBANG KERIAN]**

TARIKH : 1 DISEMBER 2008

SOALAN:

Tuan Salahuddin bin Haji Ayub [Kubang Kerian] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah telah sampai masanya Kerajaan meminda kepada perkara 43(2)(a) Perlembagaan Persekutuan iaitu memasukkan klausa (a) "Ahli Dewan Rakyat berketurunan Melayu/Bumiputera Islam" yang berhubung dengan artikel pelantikan Perdana Menteri Malaysia.

JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang DiPertua,

Pelantikan Perdana Menteri adalah hak DYMM Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong seperti yang termaktub dalam Perkara 40(2)(a) dan Perkara 43(1) dan 43(2)(a) Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Di bawah Perkara 40(2)(a), Yang di-Pertuan Agong boleh bertindak menurut budi bicaranya pada melaksanakan fungsi yang berikut, iaitu melantik seorang Perdana Menteri, sementara di bawah Perkara 43(1) dan 43(2a), Yang DiPertuan Agong hendaklah melantik suatu Jemaah Menteri untuk menasihatinya dalam penjalanan fungsinya. Jemaah Menteri hendaklah dilantik seperti yang berikut, iaitu Yang di-Pertuan Agong hendaklah terlebih dahulu melantik sebagai Perdana Menteri untuk mempengerusikan Jemaah Menteri seorang ahli Dewan Rakyat yang pada hematnya mungkin mendapat kepercayaan majoriti ahli Dewan Rakyat itu.

Kerajaan berpendapat bahawa peruntukan-peruntukan yang sedia ada di dalam Perlembagaan Persekutuan memadai dan tidak memerlukan apa-apa pindaan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. Datuk Seri Panglima Abdul Ghapur Bin Haji Salleh

TARIKH: 1 DISEMBER 2008

SOALAN:

Y.B. Datuk Seri Panglima Abdul Ghapur Bin Haji Salleh [Kalabakan] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan selepas operasi menghantar balik pendatang tanpa izin secara besar-besaran di negeri Sabah nanti, apakah strategi Kementerian dalam menentukan industri pembinaan dan perladangan yang berintensif buruh di Sabah tidak bakal lumpuh akibat ketiadaan tenaga kerja.

PR-1213-L15469

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan berpendapat bahawa industri pembinaan dan perladangan di negeri Sabah tidak akan lumpuh berikutan penghantaran balik pendatang tanpa izin (PATI) kerana operasi penghantaran dibuat secara berperingkat-peringkat bagi mengurangkan impak terhadap pengusiran PATI.

Kementerian Sumber Manusia telah mengambil beberapa langkah pro aktif bertujuan mengantikan PATI yang diusir dengan pekerja-pekerja tempatan melalui penubuhan Jawatankuasa Khas Penggalakan Penggajian Pekerja Tempatan Sektor Ladang terutama di daerah Tawau, Kunak, dan Lahad Datu. Disamping itu juga, KSM mengadakan program bersama dengan Syarikat/Majikan Sektor Perladangan untuk menggalakkan

pekerja-pekerja tempatan bekerja di sektor ladang dengan menawarkan insentif yang menarik dan prasana yang lebih baik.

Bagi sektor pembinaan pula, latihan-latihan separa mahir dan mahir yang disediakan oleh agensi seperti CIDB (Lembaga Kemajuan Industri Pembinaan), Institut Keselamatan dan Pekerjaan Negara (NIOSH), Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), dan lain-lain institusi yang lebih menjurus dan berkaitan kepada bidang latihan ini.

No: 28

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : DR. MOHD PUAD BIN ZARKASHI
(BATU PAHAT)**

PERTANYAAN : MULUT

TARIKH : 01.12.2008

Dr. Mohd Puad bin Zarkashi (Batu Pahat) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan kejayaan industri Amanah Pelaburan Hartanah (REIT) di Malaysia. Nyatakan kejayaannya kepada pasaran modal termasuk peranannya sebagai instrumen pelaburan yang mampu menjana ekonomi negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, REIT memberi peluang kepada pelabur melabur di dalam pelaburan hartanah dan dapat melupuskan pelaburan hartanah atau menukar portfolio pelaburan hartanah dengan cara yang efisien. Pelaburan di dalam REIT memberi peluang kepada pelabur runcit meningkatkan pendapatan dari kenaikan harga hartanah, pendapatan sewa daripada hartanah komersial, pejabat, ladang kelapa sawit, hospital, gudang dan lain-lain lagi yang sebelum ini tidak mampu dinikmati oleh mereka secara individu kerana harga hartanah yang tinggi. Bagi pemilik/pemaju hartanah, REIT memberi laluan ke dalam pasaran modal yang dapat menyokong pertumbuhan industri pelaburan hartanah. Industri REIT yang aktif memberi pelabur peluang pelaburan alternatif dan juga meningkatkan kecairan pasaran hartanah tempatan. Adalah jelas bahawa REIT mempunyai peranannya tersendiri dalam menjana ekonomi negara.

pegawai-pegawai tentunya akan memberi kesan kepada sesetengah peniaga yang tidak beretika yang ingin mengaut keuntungan berlebihan;

ii) Melaksanakan kutipan harga ke atas 255 barang-barang keperluan di seluruh negara di 80 pusat kutipan harga setiap minggu. Melalui sistem e-Harga, maklumat kutipan harga dikumpul dan dianalisa bagi tujuan mengesan trend harga dan menjadi amaran awal dalam menangani kenaikan harga barang-barang yang dipantau. Pemeriksaan mingguan ini dapat membantu mencegah peniaga-peniaga yang cuba menaikkan harga sewenang-wenangnya. Kementerian juga memantau harga ke atas 100 jenis barangan di pasar awam dan *hypermarket* serta harga barangan sedia masak secara mingguan di seluruh negara. Seramai 1,845 orang Pegawai Pemantau Harga telah dilantik bagi memantau harga dan situasi bekalan dan seterusnya mengemukakan laporan untuk tindakan Kementerian;

iii) Langkah-langkah pemantauan dan pengawalan juga diatur melalui perbincangan dengan pihak pembekal, pemborong, persatuan-persatuan bagi memastikan bekalan barang keperluan sentiasa ada untuk menampung keperluan serta kedudukan harga barangan dalam nilai yang munasabah dan tidak membebankan;

iv) Kerajaan turut mengekalkan harga gula pasir bertapis kasar dan halus sebagai barang terkawal di bawah Akta Kawalan Harga 1946 pada paras harga yang munasabah;

v) Usaha Kerajaan masih diteruskan bagi membantu rakyat luar bandar khususnya di musim perayaan. Skim Kawalan Harga Musim Perayaan yang dilaksanakan setiap tahun dengan mengawal harga dan bekalan ke atas 17 jenis barang mengikut kawasan dan tempoh tertentu membantu rakyat menikmati harga barangan pada paras ditetapkan mengikut kawasan masing-

pegawai-pegawai tentunya akan memberi kesan kepada sesetengah peniaga yang tidak beretika yang ingin mengaut keuntungan berlebihan;

ii) Melaksanakan kutipan harga ke atas 255 barang-barang keperluan di seluruh negara di 80 pusat kutipan harga setiap minggu. Melalui sistem e-Harga, maklumat kutipan harga dikumpul dan dianalisa bagi tujuan mengesan trend harga dan menjadi amaran awal dalam menangani kenaikan harga barang-barang yang dipantau. Pemeriksaan mingguan ini dapat membantu mencegah peniaga-peniaga yang cuba menaikkan harga sewenang-wenangnya. Kementerian juga memantau harga ke atas 100 jenis barangan di pasar awam dan *hypermarket* serta harga barangan sedia masak secara mingguan di seluruh negara. Seramai 1,845 orang Pegawai Pemantau Harga telah dilantik bagi memantau harga dan situasi bekalan dan seterusnya mengemukakan laporan untuk tindakan Kementerian;

iii) Langkah-langkah pemantauan dan pengawalan juga diatur melalui perbincangan dengan pihak pembekal, pemborong, persatuan-persatuan bagi memastikan bekalan barang keperluan sentiasa ada untuk menampung keperluan serta kedudukan harga barangan dalam nilai yang munasabah dan tidak membebankan;

iv) Kerajaan turut mengekalkan harga gula pasir bertapis kasar dan halus sebagai barang terkawal di bawah Akta Kawalan Harga 1946 pada paras harga yang munasabah;

v) Usaha Kerajaan masih diteruskan bagi membantu rakyat luar bandar khususnya di musim perayaan. Skim Kawalan Harga Musim Perayaan yang dilaksanakan setiap tahun dengan mengawal harga dan bekalan ke atas 17 jenis barang mengikut kawasan dan tempoh tertentu membantu rakyat menikmati harga barangan pada paras ditetapkan mengikut kawasan masing-

masing. Tindakan undang-undang boleh dan akan dikenakan ke atas pemborong dan peruncit yang didapati tidak mematuhi harga siling yang ditetapkan untuk musim perayaan;

vi) Pada masa ini, Kerajaan sedang mengkaji dan mengadakan langkah-langkah perlu untuk mengurangkan jurang perbezaan harga barang-barang keperluan di kawasan-kawasan pedalaman. Kajian turut dijalankan untuk menyelaraskan kedudukan harga barang-barang keperluan asas terutama barang-barang kawalan bagi menentukan supaya ianya dapat dibekalkan pada harga yang lebih munasabah kepada penduduk di kawasan pedalaman;

vii) Pada akhir Oktober 2008, Kerajaan baru sahaja selesai menjalankan Projek Perintis Pengedaran Barang-barang Perlu di kawasan Seberang Prai Utara, Pulau Pinang dan Pekan, Pahang. Objektif utama projek Perintis ini adalah untuk memastikan barang-barang perlu seperti beras Super Tempatan 15%, minyak masak, tepung kegunaan am dan roti putih sentiasa ada dan mencukupi bekalannya di luar-luar bandar serta dijual oleh para peruncit pada harga siling yang telah ditetapkan Kerajaan. Bagi kedua-dua kawasan ini, kos pengangkutan bagi tujuan pengedaran barang-barang perlu ini ditanggung oleh Kerajaan. Hasil kajian sistem pengedaran bagi projek perintis ini akan dimaklumkan kepada pihak Kerajaan dalam sedikit masa lagi. Kerajaan sedang mengkaji hasil pelaksanaan projek perintis ini sama ada ianya sesuai atau tidak untuk dilaksanakan ke seluruh negara; dan

viii) Melalui pengumuman penurunan harga runcit petrol RON97, RON92 serta diesel baru-baru ini oleh Kerajaan, tentunya banyak membantu mengurangkan beban penduduk agar jurang harga sebelumnya dapat diseimbangkan semula dengan kos pengangkutan yang dialami. Bagi maksud ini, Kerajaan akan mengadakan dialog dan simposium antara pihak Kerajaan, Persatuan-persatuan pengeluar/peniaga barang-barang keperluan dan Persatuan-persatuan Pengguna bagi

mendapatkan jalan penyelesaian bagi mengurangkan harga barang-barang atau perkhidmatan yang menjadi keperluan asas kepada orang ramai.

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan tidak berhasrat membenarkan mana-mana syarikat baru untuk mengimport barang-barang kawalan seperti beras, tepung gandum dan gula kerana Kerajaan berpuas hati dengan keupayaan syarikat-syarikat yang sedia ada.

No: 31

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI TAIB AZAMUDDEN
BIN MD TAIB (BALING)**

TARIKH : 1 DISEMBER 2008

SOALAN : Tuan Haji Taib Azamudden Bin Md Taib (BALING) Minta Menteri Pertanian Malaysia menyatakan kenapa kerajaan masih tidak dapat menghapuskan rangkaian 'orang tengah' yang membebankan dan mendapat keuntungan besar hasil keringat nelayan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Maksud '**Orang tengah**' atau '**Pemborong Pantai**' merupakan individu yang bertindak sebagai pembeli dan pengumpul ikan di peringkat pendaratan sebelum ikan tersebut dipindahkan ke lain-lain destinasi. Kadangkala pemborong pantai juga berperanan sebagai 'peminjam wang' kepada nelayan bagi membiayai operasi menangkap ikan.

Ikan yang didaratkan akan digredkan oleh nelayan sebelum diserahkan atau dijual kepada pemborong pantai. Pemborong Pantai akan melakukan aktiviti seterusnya seperti penimbangan, pengredan semula, pemetian, pembungkusan, penyimpanan dan termasuk menguruskan pengangkutan untuk penghantaran ikan ke pusat pasaran tertentu.

Kerajaan tidak menafikan peranan pemborong pantai di dalam aktiviti pemasaran ikan, tetapi tidak semua mereka mengeksploitasi para nelayan. Mereka yang mengeksploitasi nelayan terdiri daripada mereka yang mengambil margin yang terlalu besar daripada perbezaan harga di pendaratan (pantai) dan harga borong. Di samping

itu pengeksploitasi juga berlaku dimana mereka mengambil kesempatan diatas kebergantungan sangat nelayan kepada pemborong pantai seperti pemberian pinjaman, pendahuluan wang, pembelian alat ganti, pembelian pukot, baik pulih bot dan sebagainya.

Bagi mengatasi masalah ini maka kerajaan telah mengambil inisiatif seperti berikut:-

(i) Mewujudkan program 'Dana Nelayan' dengan memberi pinjaman tanpa faedah kepada nelayan untuk meningkatkan kelengkapan peralatan menangkap ikan, injin dan kulit bot/sampan.

(ii) Program Transformasi Nelayan dengan menggalakkan mereka membentuk syarikat/kumpulan dengan membina bot yang lebih besar dan moden.

(iii) Menggalakkan Persatuan Nelayan melaksanakan projek pemasaran ikan di dalam membantu nelayan memasarkan hasil tangkapan mereka bagi mendapatkan harga yang lebih baik dan berpatutan.

(iv) Menggalakkan nelayan/keluarga nelayan terlibat secara langsung di dalam aktiviti pemasaran ikan seperti jualan di Pasar Nelayan dan program jualan ikan secara terus (JIST) menggunakan kaedah kenderaan samada motorsikal roda dua/tiga atau lori 1 ton.

(v) Pendedahan kepada pelbagai kursus yang berkaitan seperti pemasaran, pengendalian ikan yang baik, pemprosesan dan yang berkaitan kearah meningkatkan lagi taraf hidup nelayan.